



Barisan pesilat wanita UniSZA yang mencatat pencapaian cemerlang pada Kejohanan Wajadiri Nasional Silat Cekak Ustaz Hanafi ke-15.

# Pasukan silat wanita **UniSZA** cemerlang

Oleh Nur Fuhairah  
 Mohammad Abas  
 bhvarsiti@bharian.com.my

**P**asukan silat wanita Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) muncul johan keseluruhan wanita institusi pengajian tinggi (IPT) pada

Kejohanan Wajadiri Nasional Silat Cekak Ustaz Hanafi ke-15 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Kejayaan itu berdasarkan pencapaian tiga pingat emas pasukan terbabit menerusi kategori menangkis serangan pisau, papan sekeping dan buah jatuh (khas) serta satu perak kategori

menangkis serangan kaki.

Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi UniSZA, Muhammad Hafiz Abdullah, berkata pencapaian itu disifatkan rekod terbaik pasukannya dengan menampilkan persembahan dan kemahiran silat dalam kalangan pesilat muda universiti itu.

Rentetan kejayaan itu,

katanya, UniSZA akan menghantar lebih ramai pesilat pada kejohanan sama akan datang dalam usaha menaikkan nama universiti setanding universiti lain dalam acara berkenaan.

“Sebelum ini, kita pernah meraih kejayaan dalam Kejohanan Wajadiri Universiti Teknologi Petronas 2011 dan Kejohanan Cabaran Pandai Silat 2011. Berdasarkan prestasi itu, kita yakin pesilat UniSZA mampu melangkah lebih jauh dengan meraih kejayaan yang lebih cemerlang pada masa depan.

## Beri pendedahan

“Sebagai pesilat generasi baru, kita perlu dedahkan mereka dengan cabaran dalam kejohanan sebegini bagi memantapkan kemahiran dan kebolehan mereka,” katanya.



## FAKTA NOMBOR

17  
IPT

Sertai Kejohanan Silat Cekak Hanafi

Kejohanan anjuran Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi UPM dengan kerjasama Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia serta Kementerian Penerangan, Komunikasi

dan Kebudayaan itu mempertandingkan masing-masing tujuh kategori wanita dan lelaki dengan penyertaan 17 IPT, 12 sekolah dan

empat pusat latihan.

Empat kategori wanita lain iaitu menangkis serangan kaki dan tongkat, umum kreatif serta adegan praktikal, masing-masing dimenangi Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan UPM.

Bagi lelaki IPT pula menyaksikan penguasaan KUIS apabila meraih tiga emas menerusi kategori menangkis serangan pisau, papan sekeping dan buah jatuh (khas). UTP dan Universiti Tenaga Nasional (UniTEN) pula masing-masing menguasai dua kategori iaitu menangkis serangan tongkat dan adegan praktikal serta menangkis serangan kaki dan umum kreatif.